

Kelestarian Ekonomi dalam Memperjuangkan *Survivality* Bagi Kaum Orang Asli Suku Kuala di Sungai Layau, Kota Tinggi

Zahrul Akmal Damin¹, Mohd. Akbal Abdullah², Fauziah Ani³, Lutfan Jaes⁴, Khairul Azman Mohd Suhaimy⁵, Siti Sarawati Johar⁶, Shah Rul Anuar Nordin⁷ & Sharifah Khadijah Syed Abu Bakar⁸

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

¹*zahruld@uthm.edu.my*, ²*akbal@uthm.edu.my*, ³*fauziah@uthm.edu.my*, ⁴*lutfan@uthm.edu.my*,
⁵*khairula@uthm.edu.my*, ⁶*sarawati@uthm.edu.my*, ⁷*shahrul@uthm.edu.my*, ⁸*khadijah@uthm.edu.my*

ABSTRAK

Peminggiran dalam kalangan Orang Asli merupakan isu yang sering diperdebatkan dari sudut pembangunan yang lestari. Kaum ini dilihat terpinggir dan kerap dilabelkan mempunyai kehidupan yang mundur. Lebih kritikal daripada hal tersebut adalah persoalan berhubung bagaimana Orang Asli mampu meningkatkan kehidupan mereka dalam pembangunan yang moden agar tidak ketinggalan. Rentetan daripada permasalahan ini, kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji kelestarian ekonomi Orang Asli dalam memperjuangkan *survivality*. Sehubungan itu, pendekatan kualitatif adalah digunakan dengan melaksanakan temubual informan dan pemerhatian ke atas kaum Orang Asli suku Kuala di Sungai Layau Kota Tinggi, Johor. Temubual yang melibatkan 13 informan dan pemerhatian secara langsung ini dilaksanakan selama tujuh hari iaitu pada 8 hingga 10 Jun 2017 serta 19 hingga 22 Julai 2017. Hasil daripada analisis mendapat terdapat empat tema dalam kelestarian ekonomi untuk kaum ini memperjuangkan *survivality* iaitu (i) ekonomi berasaskan nelayan, (ii) ekonomi berasaskan dividen kelapa sawit, (iii) ekonomi berasaskan pekerjaan tetap, dan (iv) ekonomi berasaskan perindustrian desa. Keempat-empat punca pendapatan ekonomi ini telah memberi makna kepada kehidupan Orang Asli dan pada masa yang sama ianya menafikan bahawa Orang Asli suku Kuala di Sungai Layau hidup dalam keadaan terpinggir serta mundur. Konklusinya, kaum Orang Asli suku Kuala di Sungai Layau mempunyai landasan aktiviti ekonomi yang lestari bagi tujuan kelangsungan hidup. Namun begitu, jurang ekonomi dalam kaum ini perlu dikecilkkan untuk membolehkan setiap lapisan kaum mendapat faedah daripada pemodenan. Oleh itu, diharapkan hasil kajian ini dapat membantu pihak membuat dasar dan pelaksana pembangunan untuk merangka program yang mampu memperkasa kaum ini dari aspek kelestarian ekonomi serta pada masa yang sama dapat melindungi kehidupan kaum istimewa ini.

Kata Kunci: Ekonomi, Kelestarian, Orang Asli, Peminggiran, *Survivality*

PENGENALAN

Penghijrahan Orang Asli suku Kuala menerusi pelayaran daripada Pulau Sialu, Batu Pahat ke Sungai Layau, Kota Tinggi berlaku seawal tahun 1963 (Ahmad, 2017). Perlayaran yang berasal daripada kata dasar “layar” atau “layau” dalam bahasa Orang Asli suku Kuala telah diabadikan sehingga penamaan perkampungan semula ini dikenali sebagai Sungai Layau (Shafie, 2017). Menurut Johari dan Nazri (2006), antara ciri Orang Asli adalah sering melakukan penghijrahan daripada satu tempat ke tempat yang lain. Sungguhpun penghijrahan Orang Asli bersifat semulajadi secara umumnya namun dalam kes Orang Asli suku Kuala di Sungai Layau adalah berbeza kerana mereka telah dicadangkan untuk berpindah keluar dari Pulau Sialu (Abdul Wahab, 2017). Turut bersama dalam penghijrahan ini adalah Orang Asli suku Kuala daripada Senggarang, Peserai dan Semerah, Batu Pahat serta Hulu Benut, Pontian (Wahid, 2017). Oleh itu, penghijrahan Orang Asli suku Kuala ke Sungai Layau telah menimbulkan persoalan sama ada mereka mampu mengharungi kehidupan baru untuk meningkatkan kehidupan mereka atau sebaliknya. Maka selari dengan persoalan ini, kertas kerja ini mempunyai tujuan untuk mengkaji kelestarian ekonomi Orang Asli suku Kuala dalam memperjuangkan *survivality* kehidupan mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Pemunggiran dalam kalangan Orang Asli merupakan isu yang sering diperdebatkan dari sudut pembangunan. Kaum ini dilihat terpinggir dan kerap dilabelkan mempunyai kehidupan yang kurang membangun. Perbahasan secara kritikal berhubung perkara ini telah menimbulkan persoalan tentang bagaimana Orang Asli mampu meningkatkan kehidupan lestari mereka dalam pembangunan yang moden agar tidak ketinggalan. Dalam kes Orang Asli suku Kuala di Sungai Layau, penghijrahan yang dilakukan oleh mereka memerlukan *survivality* yang tinggi. Hal ini kerana kaum ini terpaksa meninggalkan kehidupan sedia ada yang telah dibangunkan di Pulau Sialu sebelum berhijrah ke Sungai Layau. Oleh demikian, Orang Asli suku Kuala menghadapi cabaran untuk membangunkan semula sumber kapital kesan daripada penghijrahan. Kaum ini terpaksa memulakan kehidupan baru setelah dicadangkan berhijrah keluar daripada Pulau Sialu dan pada masa yang sama ancaman *survivality* mereka terus meningkat disebabkan pengusahaan tanaman sayur, kelapa serta getah yang tidak menjadi pada tahun 1960an dan 1970an (Abdul Wahab, 2017). Keadaan ini telah menjatuhkan moral Orang Asli suku Kuala dan menyebabkan ada di antara mereka yang pulang semula ke Pulau Sialu (Abdul Rahman, 2017 & Shafie, 2017). Walau bagaimanapun, sebahagian besar Orang Asli suku Kuala masih bertahan di Sungai Layau. Namun, usaha untuk membangunkan semula keupayaan ekonomi mereka bukan suatu usaha yang mudah dan memerlukan *survivality* yang tinggi. Rentetan daripada permasalahan ini, kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji kelestarian ekonomi Orang Asli suku Kuala dalam memperjuangkan *survivality* setelah mereka berhijrah ke Sungai Layau daripada Pulau Sialu.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan hal berhubung kaedah perlaksanaan kajian terutama dalam proses untuk mendapatkan data. Ia meliputi rekabentuk kajian, persampelan kajian, instrumentasi kajian, prosedur kajian dan analisis data.

Reka Bentuk Kajian

Data-data diperolehi menerusi kaedah (i) temubual, dan (ii) pemerhatian. Bentuk temubual yang dipilih adalah temubual tidak berstruktur. Temubual jenis ini memberikan kelebihan kerana tidak semua informan memahami setiap soalan dengan maksud yang sama. Oleh itu, penggunaan soalan yang dibina sebelum temubual adalah tidak perlu. Sementara menerusi pemerhatian pengkaji dapat mengamati dan merekod maklumat berhubung fenomena yang dikaji.

Persampelan Kajian

Dalam kajian ini, hanya 13 orang informan yang telah memberi komitmen untuk ditemubual. Temubual secara tidak berstruktur ini melibatkan informan yang mewakili beberapa kumpulan iaitu Jawatankuasa Kecil Kampung (JKKK), nelayan, pengusaha kraftangan, pengusaha rumah inap desa, pegawai Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) dan guru sebagaimana Jadual 1. Sementara itu, kaedah pemerhatian pula dilaksanakan terhadap segala aktiviti penduduk kampung yang mampu menyumbang kepada pendapatan ekonomi mereka.

Jadual 1
Senarai Informan Kajian

<u>Informan</u>	<u>Jumlah</u>
Ketua Jawatankuasa Kecil Kampung	1 orang
Nelayan	5 orang
Pengusaha kraftangan	3 orang
Pengusaha rumah inap desa	1 orang
Pegawai FELCRA	2 orang
Guru	1 orang
<u>Jumlah</u>	<u>13 orang</u>

Instrumentasi Kajian

Instrumen yang diguna pakai dalam kajian ini adalah berbentuk temubual tidak berstruktur. Sulaiman (2003) menjelaskan kaedah temubual boleh dijalankan secara lisan dan bersemuka (*face-to-face*) bagi mendapatkan data yang relevan dengan kajian. Terdapat kelebihan apabila menggunakan kaedah temubual jenis ini iaitu data yang diberikan oleh informan adalah mendalam dan informan boleh menambah maklumat melalui soalan cungkilan tambahan daripada pengkaji selain kajian ini tidak memerlukan sampel yang besar.

Prosedur Kajian

Pengkaji pada peringkat awal telah memohon izin daripada Ketua JKKK untuk melaksanakan kajian selain mendapatkan nasihat bagi mengenal pasti informan yang perlu ditemubual. Setiap informan yang dicadangkan telah dirujuk dan dimaklumkan tentang hasrat untuk ditemubual. Pengkaji telah memaklumkan bahawa sesi temubual yang dilaksanakan mengambil masa tidak melebihi 30 minit. Turut dinyatakan adalah keizinan untuk merakamkan suara semasa sesi temubual. Sejurus sebelum temubual dijalankan, pengkaji terlebih dahulu memaklumkan tentang objektif kajian kepada informan. Setelah temubual dilaksanakan, transkripsi rakaman suara temubual dibuat dalam bentuk *Microsoft Word 2013*. Akhirnya, transkripsi ini digunakan bagi tujuan meniliti dan menyaring kandungan teks dari aspek makna berhubung kelestarian ekonomi.

Analisis Data

Data yang diperolehi ini diproses dan disemak oleh lapan orang pengkaji. Perjumpaan dalam kalangan ahli pengkaji dibuat sebanyak lima kali selama hampir dua jam bagi setiap satu sesi perjumpaan. Data yang ditranskrip ini kemudiannya disusun atur mengikut informan yang memberi respon. Hasil daripada data yang ditranskrip berpandukan kepada kelestarian ekonomi ini seterusnya diberikan tema-tema utama. Maka berdasarkan tema utama, data yang diperolehi daripada 13 orang informan ini akhirnya diperbincangkan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada analisis temubual dan pemerhatian menunjukkan terdapat empat tema utama kelestarian ekonomi dalam memperjuangkan *survivality* bagi kaum Orang Asli suku Kuala di Sungai Layau, Kota Tinggi. Tema-tema berkenaan dibangunkan berdasarkan data-data mentah dan pemerhatian yang dianalisis iaitu (i) ekonomi berasaskan nelayan, (ii) ekonomi berasaskan dividen kelapa sawit, (iii) ekonomi berasaskan pekerjaan tetap, dan (iv) ekonomi berasaskan perindustrian desa.

Ekonomi Berasaskan Nelayan

Kaum Orang Asli suku Kuala di Sungai Layau masih mengekalkan aktiviti berbentuk ekonomi nelayan bagi sara diri. Ia dibuktikan apabila pekerjaan sebagai nelayan dijadikan sebagai pilihan kerja utama. Pekerjaan nelayan ini dapat dipecahkan kepada tiga jenis berpandukan jenis hasil tangkapan iaitu nelayan ikan, nelayan udang dan nelayan ketam. Aktiviti penangkapan ini dilakukan di sepanjang Sungai Layau dan perairan laut yang berhampiran seperti di Tanjung Balau. Sungguhpun kaum ini telah berhijrah ke Sungai Layau daripada Pulau Sialu namun mereka masih mengekalkan perusahaan ekonomi tradisi yang pernah mereka usahakan. Pada masa yang sama, nelayan-nelayan ini turut mencari hasil kerang-kerangan seperti lokan, kepah dan kupang selain belangkas sebagai punca pendapatan sampingan. Segala hasil tangkapan ini diniagakan kepada penduduk Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Semenchu selain dijual kepada orang tengah berdasarkan harga sebagaimana Jadual 2.

Jadual 2: Hasil Tangkapan Sungai dan Harga Jualan

No.	Hasil Tangkapan	Harga (RM)
1	Ikan	
	I. Bawal	RM 40.00 / Kilogram
	II. Siakap (Kecil)	RM 12.00 / Kilogram
2	III. Siakap (Besar)	RM 18.00 / Kilogram
	Udang	
	I. Susur Alur	RM 35.00 - RM 40.00 / Kilogram
3	II. Kaki Merah	RM 70.00 / Kilogram
	Ketam	RM 25.00 - RM 37.00 / Kilogram
4	Lokan	
	I. Dibuang Kulit	RM 0.40 / Biji
	II. Tidak Dibuang Kulit	RM 0.10 / Biji
5	Kepah	RM 3.50 / Kilogram
6	Kupang	RM 3.50 / Kilogram
7	Belangkas	RM 10.00 / Pek

Menurut Shafie (56 tahun) iaitu Ketua JKJKK, pendapatan bulanan Orang Asli suku Kuala yang bekerja sebagai nelayan adalah di antara RM 400.00 hingga RM 5,000.00. Namun begitu, pendapatan ini adalah bergantung kepada jumlah kekerapan nelayan turun ke sungai dan laut disamping dipengaruhi oleh faktor cuaca. Bagi Orang Asli suku Kuala yang menangkap ikan lazimnya akan turun ke sungai atau laut pada sebelah pagi atau sebelah malam setiap hari bergantung kepada pasang surut air. Tambah Daud (~~xx~~ tahun), faktor nelayan turun untuk membuat tangkapan ikan juga dipengaruhi oleh bekalan umpan yang mencukupi seperti anak ikan selangat dan sotong comek segar. Bagi nelayan udang dan ketam pula, aktiviti penangkapan dilakukan dua kali sehari iaitu pada sebelah pagi dan petang sahaja (Bilal Wahid, ~~xx~~ tahun).

Ekonomi Berasaskan Dividen dan Manfaat Kelapa Sawit

Bermula pada tahun 1983, Tanah Rezab Orang Asli telah diusahakan dengan projek perladangan kelapa sawit dengan kerjasama oleh FELCRA. Tanah rezab yang dipenuhi hutan dan belukar terbiar sebelum ini telah dimanfaatkan bagi projek tanaman komersil. Seramai 265 orang kaum Orang Asli telah terlibat secara tidak langsung sebagai peserta menerusi pemilikan rezab tanah ini. Sebagai ganjaran, 265 orang kaum Orang Asli telah menerima manfaat projek menerusi pembayaran dividen sebagai peserta. Namun, manfaat dividen dalam bentuk wang ini adalah berbeza-beza kepada peserta bergantung kepada fasa pembukaan Ladang Sungai Layau sebagaimana Jadual 3. Peserta Sungai Layau 1 seramai 66 orang menerima dividen sebanyak RM 700.00 sebulan. Sementara peserta Sungai Layau 2 seramai 144 orang, Sungai Layau 3 seramai 33 orang dan Sungai Layau 4 seramai 22 orang pula menerima bayaran dividen sebanyak RM 500.00 sebulan.

Jadual 3: Bayaran Dividen Kelapa Sawit kepada Peserta

Fasa	Tahun Ladang Dibuka	Jumlah Peserta	Dividen Bulanan
Layau 1	1983	66 Orang	RM 700.00
Layau 2	1987	144 Orang	RM 500.00
Layau 3	1992	33 Orang	RM 500.00
<u>Layau 4</u>	<u>1999</u>	<u>22 Orang</u>	<u>RM 500.00</u>

Selain itu, peserta Orang Asli yang terlibat dengan projek ini turut mendapat manfaat lain yang diberikan oleh FELCRA. Misalnya, setiap keluarga diberikan wang saguhati oleh FELCRA sebanyak dua kali untuk setiap tahun. Pemberian pertama dilakukan pada awal sesi persekolahan atau dikenali sebagai “duit sekolah” iaitu sebanyak RM 2,500.00. Sementara pemberian kedua dilakukan sebelum menyambut Hari Raya Aidilfitri dikenali sebagai “duit raya” yang berjumlah RM 3,000.00. Kedua-dua pemberian ini dilakukan di atas ekhsan FELCRA memandangkan tanah kelapa sawit di Sungai Layau yang diusahakan adalah jenis tanah terbaik untuk pengeluaran buah kelapa sawit yang terbaik. Ini kerana tanah berkenaan berhampiran dengan sungai dan laut serta menerima air hujan yang secukupnya (Shafie, 2017).

Ekonomi Berasaskan Pekerjaan Tetap

Orang Asli suku Kuala juga memperolehi pendapatan melalui pekerjaan tetap sama ada di sektor awam maupun swasta. Ketua JKKA iaitu Shafie (56 tahun) menyatakan bahawa beliau sendiri pernah bekerja sebagai Pasukan Gerakan Am (PGA) dengan pangkat terakhir iaitu Sarjan. Anak-anak Orang Asli diberikan keistimewaan untuk menyertai PGA dan mereka mendapat latihan yang berpengkalan di Bidor dan Hulu Kinta, Perak. Keistimewaan ini diberikan kerana mereka mempunyai kemahiran dan pengalaman yang tersendiri terutama dari segi penjejak. Sungguhpun begitu, disebalki penglibatan Orang Asli di PGA adalah dijayakan juga oleh peranan JAKOA. Ini kerana institusi ini telah membantu dan menguruskan kemasukan anak-anak Orang Asli suku Kuala ke PGA. Sementara itu, Salmah (56 tahun) juga pernah bekerja di sektor awam iaitu sebagai perpustakawan di salah sebuah universiti awam sementara Yatimah bekerja sebagai guru. Manakala dalam sektor swasta pula, ada anak-anak Orang Asli yang telah bekerja di Petronas, Sapura, pelabuhan Pasir Gudang, Rapid Penggerang dan kilang-kilang yang berhampiran.

Ekonomi Berasaskan Perindustrian Desa

Terakhir, antara pekerjaan yang diusahakan oleh Orang Asli suku Kuala adalah mengusahakan perindustrian desa. Projek perindustrian desa yang dimaksudkan adalah industri pembuatan kraftangan dan ia telah dikelolakan oleh kaum hawa di bawah gerakan Wanita Dinamis FELCRA atau lebih dikenali sebagai WADIRA. Menurut informan Salmah Md. Yunos (56 tahun), antara produk utama yang dihasilkan adalah barang berdasarkan bunga. Ia meliputi penghasilan bunga manik bergantung, bunga manik kuntum, bunga manik berjambak, bunga manik berpasu, bunga manik berbingkai, bunga manik semat (*rossete*) dan bunga manik berpahar.

Menariknya menurut Nora Jaafar (44 tahun), setiap penghasilan bunga manik ini dinamakan sempena nama penggubahnya. Ia seperti kuntuman Tandora oleh penggubahnya yang bernama Nora, kuntuman Sefina diberikan nama sempena penggubahnya yang bernama Intan Salfina dan kuntuman Rosmanis adalah sempena nama penggubahnya iaitu Suhana. Setiap daripada bunga manik ini mempunyai harga tertentu bermula daripada RM 18.00 bagi setiap kuntum hingga ke serendah RM 200.00 bagi bunga manik berpahar sebagaimana Jadual 4. Sungguhpun begitu, pengusahaan bunga manik ini adalah bergantung kepada keupayaan setiap ahli WADIRA untuk menghasilkannya dan secara purata ia dihasilkan sebanyak 25 kuntum bagi setiap bulan. Tambahan daripada hal ini, WADIRA turut menghasilkan produk lain seperti tasbih dan pin untuk tudung shawl (Suhana Mohd Safian, 38 tahun).

Jadual 4: Hasil Kraftangan Bunga Pahar dan Harga Jualan

Bil. Pahar	Jenis Pahar / Harga			
	Sefina	Selinda	Tandora	Rosmanis
1	RM 220.00	RM 200.00	RM 230.00	RM 450.00
2	RM 350.00	RM 340.00	RM 370.00	RM 880.00
3	RM 550.00	RM 490.00	RM 570.00	RM 1,300.00
4	RM 680.00	RM 570.00	RM 700.00	

Selain daripada industri kraftangan, WADIRA turut mengusahakan tanaman serai dan kunyit di dalam *polybag*. Akan tetapi hanya tanaman serai sahaja yang berjaya diusahakan manakala tanaman kunyit pula mengalami kegagalan akibat faktor cuaca yang panas. Sungguhpun begitu, keadaan cuaca yang panas dimanfaatkan oleh WADIRA untuk mengusahakan pembuatan ikan kering bagi mencipta pendapatan sampingan dengan memasarkan produk tersebut di FELDA Semenchu. Bagi kaum lelaki pula, ada di antara mereka yang mewujudkan perusahaan berdasarkan alam dengan membina empat buah rumah pancing bagi penggemar aktiviti air. Bayaran sebanyak RM 25.00 dikenakan kepada seorang kaki pancing untuk sekali kehadiran mereka di rumah berkenaan. Sementara itu, terdapat juga sewaan bot berharga RM 50.00 untuk dua jam bagi menjalani aktiviti menyelusuri sungai bagi melihat keindahan alam. Menurut Salmah Md. Yunos (56 tahun), beliau dan dua buah keluarga lagi pada masa yang sama telah mengusahakan projek rumah inap desa (*homestay*) dengan kadar bayaran RM 150.00 sehari.

RUMUSAN

Hasil analisis kajian menunjukkan terdapat empat tema untuk kelestarian ekonomi bagi kaum Orang Asli suku Kuala di Sungai Layau demi memperjuangkan *survivality*. Keempat-empat tema berkenaan adalah (i) ekonomi berdasarkan nelayan, (ii) ekonomi berdasarkan dividen kelapa sawit, (iii) ekonomi berdasarkan pekerjaan tetap, dan (iv) ekonomi berdasarkan perindustrian desa. Tema-tema ini merupakan punca pendapatan ekonomi yang telah memberi kehidupan kepada Orang Asli suku Kuala. Dapatkan kajian ini pada masa yang sama menafikan bahawa kaum ini hidup dalam keadaan terpinggir dan mundur. Konklusinya, kaum Orang Asli suku Kuala di Sungai Layau

mempunyai landasan aktiviti ekonomi yang lestari bagi tujuan kelangsungan hidup. Namun begitu, jurang ekonomi secara intra bagi kaum ini perlu dikecilkkan untuk membolehkan setiap ahli dalam kaum mendapat manfaat daripada pembangunan. Adalah dicadangkan agar kajian lanjutan dapat dilakukan bagi mengenalpasti faktor penyebab kepada sebahagian Orang Asli suku Kuala yang mengekalkan cara hidup statik terutama mereka yang mengamalkan sikap ‘bekerja apabila hendak makan’. Usaha ini perlu bagi memastikan Orang Asli suku Kuala dapat meneruskan *survivality* mereka secara lestari. Diharapkan hasil kajian ini dapat membantu pihak pembuat dasar di peringkat tempatan dan pelaksana pembangunan untuk merangka program yang mampu memperkasa kaum Orang Asli suku Kuala ini dari aspek kelestarian ekonomi serta pada masa yang sama dapat melindungi kehidupan kaum istimewa ini.

PENGHARGAAN

Kajian “Program Dian Desa: Projek Penyelidikan dan Penulisan Masyarakat Orang Asli Sungai Layau” ini dijalankan dengan menggunakan peruntukan daripada Pejabat Pendaftar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta’zim (YPKDT) dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).

RUJUKAN

- Abd. Rahman Adam. (2017, Jun 8). Temubual Personal.
Abdul Wahab Abdul Manan. (2017, Jun 9). Temubual Personal.
Ahmad Ani. (2017, Julai 27). Temubual Personal.
Daud Adam. (2017, Jun 8). Temubual Personal.
Johari Talib & Nazri Muslim. (2006). Bagaimana kanak-kanak Orang Asli gagal di sekolah? Jurnal Pengajaran Umum, Vol. 8, 51-76.
Minhar. (2017, Jun 8). Temubual Personal.
Nora Jaafar. (2017, Jun 10). Temubual Personal.
Noraini Rahman. (2017, Jun 8). Temubual Personal.
Rostam. (2017, Jun 8). Temubual Personal.
Salmah Md. Yunos. (2017, Jun 8). Temubual Personal.
Shafie Mohamad. (2017, Jun 10). Temubual Personal.
Suhana Mohd Safian. (2017, Jun 10). Temubual Personal.
Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
Wahid Baharom. (2017, Jun 8). Temubual Personal.